

KAJIAN MENGENAI PENJUALAN CAKERA PADAT CETAK  
ROMPAK

|                                |             |
|--------------------------------|-------------|
| NOR HALIZA BINTI SUDIN         | 08DPM06F301 |
| MUHAMMAD HANIFF BIN HANI       | 08DPM06F306 |
| NOR AZZIRA BINTI NOR DIN       | 08DPM06F314 |
| SUHAILIZA HANIM BINTI SULAIMAN | 08DPM06F316 |
| MOHD SAIFUL MAZWAN BIN ZAHRIN  | 08DPM06F354 |



Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi  
sebahagian syarat penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan  
(Pengurusan).

## PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “Kajian Mengenai Penjualan Cakera Padat Cetak Rompak” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan Penulisan Projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak Oleh :

Nama Penyelia : Puan Nor Haziah Binti Hussin

Tandatangan Penyelia : -----

Tarikh : -----

Disahkan Oleh:

Nama Penyelaras : Puan Nor Haziah Binti Hussin

Tandatangan Penyelaras : -----

Tarikh : -----

**PERAKUAN PELAJAR**

Laporan projek bertajuk penjualan cakera padat cetak rompak ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Nama : Suhailiza Hanim Binti Sulaiman


No. Pendaftaran : 08DPM06F316

Tandatangan : -----

Tarikh : 31/05/07-----

Nama : Mohd Saiful Mazwan Bin Zahrin

No. Pendaftaran : 08DPM06F354

Tandatangan : -----

Tarikh : 31/05/07-----

**PERAKUAN PELAJAR**

Laporan projek bertajuk penjualan cakera padat cetak rompak ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Nama : Nor Haliza Binti Sudin


No. Pendaftaran : 08DPM06F301

Tandatangan : 

Tarikh : 31 / 05 / 07

Nama : Muhammad Haniff Bin Hani

No. Pendaftaran : 08DPM06F306

Tandatangan : 

Tarikh : 31 / 05 / 07

Nama : Nor Azzira Binti Nor Din

No. Pendaftaran : 08DPM06F314

Tandatangan : 

Tarikh : 31 / 05 / 07

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dengan limpah dan kurnianya, kami dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya. Terlebih dahulu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada Puan Nor Haziah Binti Hussin selaku Penyelia dan juga Penyelaras bagi projek perniagaan yang telah banyak memberi kerjasama, pandangan, tunjuk ajar, bimbingan dan maklumat bagi menyempurnakan projek ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Pemangku ketua Jabatan Perdagangan, pensyarah-pensyarah, pelajar-pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini serta sudi memberikan kerjasama dalam proses mendapatkan maklumat kajian.

Tidak lupa juga kepada ahli keluarga khususnya buat ibu dan bapa yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral sepanjang pengajian di politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas bantuan yang sudi diberikan.

Akhir sekali dengan daya usaha dan kerjasama yang diberikan dari ahli kumpulan iaitu Muhamad Haniff Bin Hani, Mohd Saiful Mazwan Bin Zahrin, Suhailiza Hanim Binti Sulaiman, Nor Azzira Binti Nor Din dan Nor Haliza Binti Sudin, penyelidikan ini berjaya dihasilkan dengan sepenuhnya.

Sekian terima kasih.

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

|                                  |             |
|----------------------------------|-------------|
| <b>HALAMAN TAJUK</b>             | <b>I</b>    |
| <b>PENGESAHAN</b>                | <b>II</b>   |
| <b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b> | <b>III</b>  |
| <b>PERAKUAN PELAJAR</b>          | <b>IV</b>   |
| <b>PENGHARGAAN</b>               | <b>VI</b>   |
| <b>KANDUNGAN</b>                 | <b>VII</b>  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>             | <b>XII</b>  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>            | <b>XIII</b> |
| <b>ABSTRAK</b>                   | <b>XVI</b>  |
| <b>ABSTRACT</b>                  | <b>XVII</b> |

**BAB 1                    PENGENALAN**

|     |                        |   |
|-----|------------------------|---|
| 1.0 | Pendahuluan            | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Masalah | 3 |
| 1.2 | Penyataan Masalah      | 5 |
| 1.3 | Objektif Kajian        | 5 |
| 1.4 | Kepentingan Kajian     | 6 |
| 1.5 | Skop Kajian            | 7 |
| 1.6 | Batasan Kajian         | 7 |
| 1.7 | Definisi Kajian        | 8 |

**BAB 2                    ULASAN KAJIAN**

|       |                                                                               |    |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.0   | Pendahuluan                                                                   | 10 |
| 2.1   | Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengguna Membeli<br>Cakera Padat Cetak Rompak | 10 |
| 2.1.1 | Aspek Agihan                                                                  | 11 |
| 2.1.2 | Aspek Harga                                                                   | 13 |
| 2.1.3 | Aspek Penggunaan                                                              | 16 |
| 2.2   | Tahap Kesedaran Pengguna Berkaitan Cakera Padat<br>Cetak Rompak               | 17 |
| 2.2.1 | Segi Ekonomi                                                                  | 17 |
| 2.2.2 | Segi Industri Hiburan                                                         | 19 |
| 2.2.3 | Segi Sosial                                                                   | 21 |
| 2.2.4 | Segi Undang-Undang                                                            | 23 |

|                  |                                                                               |    |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------|----|
| <b>BAB 3</b>     | <b>METODOLOGI</b>                                                             |    |
| 3.0              | Pengenalan                                                                    | 29 |
| 3.1              | Rekabentuk Kajian                                                             | 30 |
| 3.2              | Lokasi Kajian                                                                 | 31 |
| 3.3              | Populasi Dan Persampelan                                                      | 31 |
| 3.4              | Instrumen Kajian                                                              | 32 |
| 3.5              | Batasan Kajian                                                                | 33 |
| 3.6              | Analisis Data                                                                 | 34 |
| <br><b>BAB 4</b> | <br><b>ANALISIS KAJIAN</b>                                                    |    |
| 4.0              | Pendahuluan                                                                   | 37 |
| 4.1              | Bahagian A : Demografi                                                        |    |
|                  | 4.1.1 Umur Responden                                                          | 39 |
|                  | 4.1.2 Bangsa Responden                                                        | 40 |
|                  | 4.1.3 Jantina Responden                                                       | 41 |
|                  | 4.1.4 Jabatan                                                                 | 42 |
|                  | 4.1.5 Semester                                                                | 44 |
|                  | 4.1.6 Tempat-tempat yang mudah untuk mendapatkan<br>cakera padat cetak rompak | 45 |
| 4.2              | Bahagian B : Pengetahuan Diri                                                 |    |
|                  | 4.2.1 Adakah responden seorang pembeli cakera padat<br>cetak rompak           | 48 |
|                  | 4.2.2 Siapa yang mula memperkenalkan cakera padat<br>cetak rompak             | 49 |



|                |                                                                                                                                              |    |
|----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
|                | 4.2.3 Berapa kerap dalam sebulan responden membeli cakera<br>padat cetak rompak                                                              | 51 |
|                | 4.2.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna membeli<br>cakera padat cetak rompak                                                          |    |
|                | 4.2.4.1 Aspek Agihan                                                                                                                         | 52 |
|                | 4.2.4.2 Aspek Penggunaan                                                                                                                     | 54 |
|                | 4.2.4.3 Aspek Harga                                                                                                                          | 57 |
|                | 4.2.5 Responden Yang Tidak Membeli Cakera<br>Padat Cetak Rompak                                                                              | 58 |
| <b>4.3</b>     | <b>Bahagian C : Tahap Kesedaran Pengguna</b>                                                                                                 |    |
|                | 4.3.1 Segi Ekonomi                                                                                                                           | 60 |
|                | 4.3.2 Segi Industri Hiburan                                                                                                                  | 63 |
|                | 4.3.3 Segi Undang-Undang                                                                                                                     | 64 |
|                | 4.3.4 Segi Sosial                                                                                                                            | 66 |
| <b>4.4</b>     | <b>Secara Keseluruhan Adakah Soal Selidik Ini Membantu<br/>Dan Memberikan Maklumat Kepada Responden<br/>Merupakan Satu Kesalahan</b>         | 67 |
| <b>BAB . 5</b> | <b>KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>                                                                                                      |    |
| 5.0            | Pendahuluan                                                                                                                                  | 69 |
| 5.1            | Perbincangan                                                                                                                                 | 70 |
|                | 5.1.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna untuk<br>membeli cakera padat cetak rompak adalah<br>dari aspek harga, agihan dan penggunaan. | 72 |



|     |                                                                                                                                        |    |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
|     | 5.1.2 Tahap kesadaran pengguna terhadap cakera padat<br>cetak rompak dari segi ekonomi, industri hiburan,<br>sosial dan undang-undang. | 79 |
| 5.2 | Rumusan                                                                                                                                | 83 |
| 5.3 | Cadangan                                                                                                                               | 85 |
| 5.4 | Cadangan Lanjutan                                                                                                                      | 87 |

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## SENARAI RAJAH

| <b>NO. RAJAH</b> | <b>TAJUK</b>                                                                                                                                                                    | <b>MUKA SURAT</b> |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| <b>4.1.1</b>     | <b>Umur Responden</b>                                                                                                                                                           | <b>40</b>         |
| <b>4.1.2</b>     | <b>Bangsa Responden</b>                                                                                                                                                         | <b>41</b>         |
| <b>4.1.3</b>     | <b>Jantina Responden</b>                                                                                                                                                        | <b>42</b>         |
| <b>4.1.4</b>     | <b>Jabatan</b>                                                                                                                                                                  | <b>43</b>         |
| <b>4.1.5</b>     | <b>Semester</b>                                                                                                                                                                 | <b>45</b>         |
| <b>4.1.6</b>     | <b>Senarai Tempat Yang Mudah Untuk Responden<br/>Mendapatkan Cakera Padat Cetak Rompok</b>                                                                                      | <b>47</b>         |
| <b>4.4</b>       | <b>Secara Keseluruhan, Adakah Soal Selidik Ini<br/>Membantu Dan Memberikan Responden<br/>Maklumat Mengenai Pembelian Cakera Padat<br/>Cetak Rompok Merupakan Satu Kesalahan</b> | <b>68</b>         |

## SENARAI JADUAL

| <b>NO. JADUAL</b> | <b>TAJUK</b>                                                                                             | <b>MUKA SURAT</b> |
|-------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| <b>3.4</b>        | <b>Bilangan Responden Mengikut Jabatan</b>                                                               | <b>33</b>         |
| <b>3.6.1</b>      | <b>Jadual Analisa Skala Pemeringkatan Likert<br/>Berkaitan Dengan Pengetahuan Responden</b>              | <b>35</b>         |
| <b>3.6.2</b>      | <b>Jadual Analisa Skala Pemeringkatan<br/>Likert Berkaitan Tahap Kesedaran Responden</b>                 | <b>35</b>         |
| <b>4.2.1</b>      | <b>Jadual Menunjukkan Adakah Responden<br/>Seorang Pembeli Cakera Padat Cetak Rompok</b>                 | <b>49</b>         |
| <b>4.2.2</b>      | <b>Jadual Menunjukkan Siapa Yang Mula<br/>Memperkenalkan Cakera Padat Cetak Rompok</b>                   | <b>50</b>         |
| <b>4.2.3</b>      | <b>Jadual Menunjukkan Berapa Kerap Dalam<br/>Sebulan Responden Membeli Cakera Padat<br/>Cetak Rompok</b> | <b>52</b>         |

|                |                                                                                                                            |           |
|----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>4.2.4.1</b> | <b>Jadual Menunjukkan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengguna Membeli Cakera Padat Cetak Rompak Dari Aspek Agihan</b>     | <b>54</b> |
| <b>4.2.4.2</b> | <b>Jadual Menunjukkan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengguna Membeli Cakera Padat Cetak Rompak Dari Aspek Penggunaan</b> | <b>56</b> |
| <b>4.2.4.3</b> | <b>Jadual Menunjukkan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengguna Membeli Cakera Padat Cetak Rompak Dari Aspek Harga</b>      | <b>58</b> |
| <b>4.2.5</b>   | <b>Jadual Menunjukkan Responden Tidak Membeli Cakera Padat Cetak Rompak</b>                                                | <b>59</b> |
| <b>4.3.1</b>   | <b>Jadual Menunjukkan Tahap Kesedaran Pengguna Dari Segi Ekonomi</b>                                                       | <b>62</b> |
| <b>4.3.2</b>   | <b>Jadual Menunjukkan Tahap Kesedaran Pengguna Dari Segi Industri Hiburan</b>                                              | <b>64</b> |
| <b>4.3.3</b>   | <b>Jadual Menunjukkan Tahap Kesedaran Pengguna Dari Segi Undang-Undang</b>                                                 | <b>65</b> |

**4.3.4 Jadual Menunjukkan Tahap Kesedaran****Pengguna Dari Segi Sosial****66**

## ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “Kajian Mengenai Penjualan Cakera Padat Cetak Rompak di kalangan pelajar-pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah”. Terdapat dua aspek utama yang cuba untuk dikaji didalam kajian ini, iaitu mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna membeli cakera padat cetak rompak dari aspek agihan, harga dan penggunaan serta mengkaji tahap kesedaran pengguna berkaitan cakera padat cetak rompak dari segi ekonomi, industri, sosial dan undang-undang. Kajian ini dijalankan melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden-responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah daripada empat jabatan iaitu jabatan elektrik, mekanikal, awam dan jabatan perdagangan. Bilangan sampel adalah seramai 360 orang responden. Data yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang dianalisis menggunakan “Statistical Package for Social Science”(SPSS) bagi menjawab objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa faktor agihan adalah faktor yang paling mempengaruhi pengguna membeli cakera padat cetak rompak. Dari segi tahap kesedaran, responden hanya mengetahui pembelian cakera padat cetak rompak akan membawa kesan negatif kepada aspek industri hiburan dan mempunyai tahap kesedaran yang lemah dari segi ekonomi, sosial dan undang-undang.

## ABSTRACT

This case study is entitled "Kajian Mengenai Penjualan Cakera Padat Cetak Rompak dikalangan pelajar-pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah". There are two main objective which is to identify the factors which impress respondent to buy illegal video compact disc (vcd) from side places , price and usage. Second is to identify the level of conscious of the respondent related to video compact disc from side economic, industrial, social and law. This study is qualitative research with sample consisting of three hundred and sixtthy students of mechanical students, commerce students, electrical students and civil students at Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic. The data of this research were collected via questionnaire and use "Statistical Package of Social Science" to answered the objectives of study. The result of this study shows places is the main factor which impress respondent to buy illegal vcd. From the level of consciousness, respondent is more knowledgable from industrial aspect than economic, social and law.



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Cetak rompak bermula di Taiwan dan Hong Kong. Ketika gejala itu menjadi besar di Taiwan dan Hong Kong pada tahun 1980-an, orang di Malaysia belum lagi kenal dengan cetak rompak. Bagaimanapun ia berubah apabila pihak berkuasa di Taiwan dan Hong Kong mula membanteras gejala itu dengan memperkenalkan undang-undang baru berkaitan cakera optik yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat untuk kesalahan cetak rompak. Bila tindakan itu diambil di Taiwan dan Hong Kong, sindiket yang ada kaitan dengan kegiatan jenayah itu mula mencari kawasan baru untuk beroperasi iaitu di negara-negara yang mereka rasa lebih selamat

Mereka memindahkan mesin dan kegiatan ke negara yang mereka anggap selamat dan belum ada peruntukan undang-undang cetak rompak yang keras serta tindakan penguatkuasaan pula tidak begitu hebat. Negara yang menjadi mangsa ketika itu ialah Malaysia. Bahan cetak rompak di Malaysia masih menguasai lima puluh peratus (50%) daripada pasaran dan masih menjadi isu yang berterusan dalam industri muzik. Kegiatannya yang menular hampir membunuh industri muzik negara. Pada masa ini kegiatan ini masih tertumpu kepada bentuk fizikal kerana cetak rompak melalui internet belum lagi menjadi isu utama. Dengan aplikasi jalurlebar (broadband) dan meningkatnya penggunaan internet pasti akan menjadikan cetak rompak melalui internet isu baru di Malaysia.

Seperti kebanyakan negara yang mengalami masalah cetak rompak, kerugian ekonominya amat dirasai terutama kepada rangkaian yang terlibat dengan industri muzik. Antara kelompok yang mendapat kesannya ialah penyanyi, penulis lirik, penggubah, penerbit, pemuzik, studio rakaman dan jurutera audio. Memerangi gejala cetak rompak bukan sahaja bermaksud memastikan industri muzik tempatan, malahan memastikan hidup mati muzik Malaysia.

Setiap hari semakin ramai pihak pengusaha yang dikenali sebagai "lanun cetak rompak" menjalankan kegiatan pengeluaran dan penjualan bahan-bahan cetak rompak. Kini mereka semakin berani kerana penjualan bahan-bahan cetak rompak ini boleh dilihat dimana-mana sahaja, terutamanya di pasar malam dan

kaki lima kedai. Penjualan barangan cetak rompak terutamanya cakera padat harus diberi penekanan agar isu ini tidak lagi terus dibualkan dari masa ke semasa. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) merupakan pihak yang berwajib untuk membanteras isu ini. Selain itu juga orang ramai perlu memainkan peranan bagi membantu mengatasi masalah ini.

Seksyen 41(3) Akta Hak Cipta 1987 merupakan satu akta yang melindungi hak cipta sesuatu hasil iaitu menjual, menyewa atau secara dagangan, mendedahkan atau menawarkan untuk dijual atau disewakan apa-apa salinan langgaran.

## **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Sungguh pun industri berkaitan cakera padat telah lama berkembang di Malaysia dan banyak langkah-langkah yang telah di lakukan, masalah cetak rompak ini semakin berleluasa dan tidak dapat dibanteras sepenuhnya. Kenyataan ini disokong oleh *Muhyiddin Yassin* (1997) menyatakan bahawa selama bertahun-tahun isu ini menjadi duri paling berbisa yang tertanam dalam bidang harta intelek di negara ini dimana keadaan ini berlaku disebabkan oleh

sikap pengguna sendiri yang masih terus membeli cakera padat cetak rompak tanpa memikirkan kesan yang akan berlaku ke atas negara.

Selain daripada itu, *Mohd. Shafie Bin Haji Afdal* (2006) menyatakan bahawa sikap pengusaha cetak rompak itu sendiri yang semakin berani dalam kegiatan penjualan cetak rompak. Ini dapat dilihat daripada jumlah rampasan yang telah di buat iaitu sebanyak 4,382 keping cakera padat (CD), cakera padat video (VCD) serta cakera padat digital (DCD) cetak rompak bernilai kira-kira RM33,284, selain itu isu ini telah banyak memberikan kesan terhadap pendapatan negara.

Manakala *Nazarrudin Zainudin* (2006) berkata, Pegawai Pendakwa dari KPDN&HEP, “jenayah cetak rompak bukan sahaja menjejaskan nama Malaysia di mata dunia, malah meletakkan negara dalam senarai pemerhatian Amerika Syarikat. Selain itu, negara yang diletakkan di bawah senarai pemerhatian itu dikenakan sekatan perdagangan yang boleh menjejaskan pendapatan negara”.

Selain itu, *Mohd Shafie Bin Haji Afdal* berkata “sikap rakyat yang suka membeli barangan dengan harga yang murah tanpa memeriksa sama ada ia tulen atau sebaliknya perlu dikikis kerana tindakan itu boleh mengundang padah kepada mereka. Pengguna membeli VCD (cakera padat video) cetak rompak